



BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan
Mesra, Cepat & Tepat
KUALITI KEUTAMAAN KAMI

www.mbpj.gov.my

[Majlis Bandaraya Petaling Jaya](#)



[pjcitycouncil](#)



[pjita](#)



[smartpj](#)

BIL. 2/2020 • ☎ : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206

☎ : 03-7958 2695

✉ : media@mbpj.gov.my

PERCUMA



Berita Penuh MS. 3

OPERASI SANITASI AWAM DI PERSEKITARAN KAWASAN PJ OLD TOWN



» PENJARAKAN SOSIAL 1 METER

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah membuat pemantauan penjarakan sosial 1 meter Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 2 di premis pasar-pasar pagi sekitar kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Berita Penuh MS. 4



» KERJASAMA MBPJ DAN UiTM HASILKAN PAKAIAN PERLINDUNGAN DIRI

Proses menjahit pakaian tersebut sedang giat dijalankan dan apabila ianya siap, kesemua pakaian PPE ini akan diserahkan semula kepada pihak FSSR untuk diagihkan kepada Hospital Sungai Buloh.

Berita Penuh MS. 10

Sidang Redaksi

www.mbpj.gov.my | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | pjcitycouncil | pjkitajaya | smartpj

PENAUNG
Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar

PENASIHAT
Hjh. Azlinda Binti Azman
Haniza Binti Abdul Hamid

KETUA PENGARANG
Abdul Hakim Bin Khairuddin

WARTAWAN
Ahmad Iskandar Bin Muhamad Mukhtar
Muhammed Azmi Bin Yusoff
Hasbullah Bin Juyahir

PEMBANTU PENERBITAN
Nur Mazliyah Edurar Binti Mazelan
Mohammad Shah Bin Badlishah

JURU GAMBAR
Rusdi Bin Mohammed Halik
Intan Khairana Binti Md. Zali
Salimey Bin Abu Bakar

PEREKA GRAFIK
Badrul Hisham Bin A Bakar
Ihfaznur Ashikin Binti Mohammed Arifin

MAKLUM BALAS DAN CADANGAN
HANTARKAN KEPADA
Unit Komunikasi Korporat
Majlis Bandaraya Petaling Jaya
Tel : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206
Fax : 03-7958 2695 Email : media@mbpj.gov.my

PENGURUSAN TERTINGGI MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Dato' Mohd Sayuthi Bin Bakar
Datuk Bandar
Tel : 03-7956 3544 samb. 325

Hjh. Azlinda Binti Azman
Timbalan Datuk Bandar
Tel : 03-7956 3544 samb. 323

TPr. Hjh. Sharifah Marhaini Binti Syed Ali
Timbalan Setiausaha / Pengarah,
Jabatan Perancangan
Pembangunan
Tel : 03-7955 2562

Mohd Rosnani Bin Hj. Hamid
Pengarah,
Jabatan Khidmat Pengurusan
Tel : 03-7955 0819

Hjh. Nik Nazli Binti Nik Abdullah
Pengarah,
Jabatan Perbendaharaan
Tel : 03-7955 2354

Ir. Ismail Bin Shafie
Pengarah,
Jabatan Kejuruteraan
Tel : 03-7958 7993

Datin Sr. Amreeta Kaur A/p Pretham Singh
Pengarah,
Jabatan Penilaian Dan
Pengurusan Harta
Tel : 03-7955 2428

Aznan Bin Hj. Hassan
Pengarah,
Jabatan Pembangunan
Kemasyarakatan
Tel : 03-7960 3293

Hamidah binti Hj. Ariffin
Pengarah,
Jabatan Kawalan Bangunan
Tel : 03-7956 3544 samb. 252

Dr. Badrulzaman Bin Jaafar
Penolong Pengarah Kanan
Jabatan Landskap
Tel : 03-7804 8907 samb. 104

Mohd Fauzi Bin Maarop
Pengarah,
Jabatan Penguatkuasaan
Tel : 03-7958 8081

Hjh. Sharinaz Binti Hj. Samsudin
Pengarah,
Jabatan Pelesenan
Tel : 03-7960 4513

Mahzura Binti Mohd Amin
Penolong Pengarah Kanan,
Jabatan Perkhidmatan Kesihatan
Dan Persekitaran
Tel : 03-7957 5240

Lee Lih Shyan
Pengarah,
Jabatan Pengurusan Sisa Pepejal
Dan Pembersihan Awam
Tel : 03-7954 1534

Samsul Bahari Bin Nonchi
Pengarah,
Unit Teknologi Maklumat
Tel : 03-7955 2553

Haniza Binti Abdul Hamid
Pengarah,
Unit Komunikasi Korporat
Tel : 03-7958 1764

Hjh. Norlida Binti Mohd Isa
Pengarah,
Unit Audit Dalam
Tel : 03-7954 0130

Norzita Binti Mokhtar
Pengarah,
Unit Perundangan
Tel : 03-7957 8042

Tee Szu Fong
Pengarah,
Unit Pusat Setempat (OSC)
Tel : 03-7954 1725

Sr. Jayanthi A/p Kupusamy
Pengarah,
Unit Pesuruhjaya Bangunan
(COB)
Tel : 03-7960 2055

**Pejabat Cawangan
Petalang Jaya Utara**
No. 19-1 Jalan Pekaka 8/1D, PJU 5,
Prestij Kota Damansara,
47310 Petaling Jaya, Selangor.
Tel : 03-6143 7564 / 03-6143 7452 /
03-6143 6475 / 03-6143 4195 /
03-6143 5942

OP COVID-19 - PERJUMPAAN POLIS PETALING JAYA BERSAMA MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA (MBPJ)

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
abdulhakim@mbpj.gov.my

PPETALING JAYA, 06 APRIL 2020 - Bertempat di PJ Smart Centre MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, Petaling Jaya telah berlangsung sesi perjumpaan antara Ketua Polis Daerah Petaling Jaya, YDH ACP Nik Ezanee Bin Mohd Faisal bersama Datuk Bandar Majlis Bandaraya Petaling Jaya, YBhg. Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar.

Perjumpaan tersebut lebih tertumpu kepada perbincangan tentang kawasan-kawasan kes baharu Covid-19 dan perancangan strategi seterusnya bagi memperketatkan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) Fasa Kedua. Turut sama hadir dalam perjumpaan tersebut adalah Tuan Johary bin Anuar, Pegawai Daerah Petaling dan Tuan Fauzi bin Maarop, Pengarah Penguatkuasa MBPJ.



OPERASI SANITASI AWAM DI PERSEKITARAN KAWASAN PJ OLD TOWN

PETALING JAYA

HASBULLAH JUYAHIR
hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my

JALAN OTHMAN, 30 MAC - Operasi sanitasi awam di persekitaran kawasan PJ Old Town terutama pasar awam Pasar Besar Jalan Othman, Stesen Bas Jalan Othman dan kawasan sekitar telah dilakukan sebagai usaha mengekang penularan wabak Covid-19 memandangkan Petaling Jaya telah mencatatkan kawasan kes tertinggi (red zone area) di Selangor.

Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) selaku ketua operasi dan Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp) telah diberi tanggungjawab untuk melaksanakan kerja-kerja sanitasi awam ini.

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di negeri dan daerah turut terlibat sama dengan SWCorp melalui syarikat-syarikat konsesinya dalam melaksanakan kerja-kerja sanitasi awam ini.

YB Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin, Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan turut bersama-sama turun padang di dalam operasi sanitasi awam ini. Turut hadir YBhg. Dato' Mohd Sayuthi bin Bakar, Datuk Bandar Petaling Jaya, Tuan Johary bin Anuar, Pegawai Daerah Petaling serta YB Puan Maria Chin Abdullah, Ahli Parlimen Petaling Jaya.



TUJUH PANGSAPURI DI DUN BANDAR UTAMA DINYAHKUMAN

SHAH ALAM

SUMBER DARI : SELANGOR KINI



SHAH ALAM, 7 APRIL - Tujuh pangsapuri kos rendah di bawah Dewan Undangan Negeri (DUN) Bandar Utama dibersihkan bermula pukul 10 pagi hingga 2 petang semalam, kata Ahli Dewan Negerinya (ADN).

YB Jamaliah Jamaluddin berkata kediaman terlibat ialah Pangsapuri Lily & Rose, Pangsapuri Taman Megah Mas, Pangsapuri Pelangi Ara, Pangsapuri Kayu Ara, Pangsapuri Sri Ara, Pangsapuri Permai dan Pangsapuri Damai.

Beliau berkata pemilihan tujuh pangsapuri tersebut mengikut cadangan Ahli Majlis, kepadatan penduduk selain kawasan itu belum terlibat dalam senarai kerja pembersihan oleh kerajaan atau pihak berkuasa tempatan. "Kerja nyahkuman dilaksanakan sebagai langkah keselamatan penduduk ketika musim wabak melanda. Saya harap ia dapat membantu mereka mencegah jangkitan virus Covid-19."

"Pada masa sama, semoga kerajaan tempatan dapat memberi tumpuan kepada semua pangsapuri kos rendah yang mempunyai kekangan kewangan untuk mengupah kontraktor bagi melakukan pembasmian kuman," katanya dalam kenyataan.

YB Jamaliah turut memaklumkan Majlis Bandaraya Petaling Jaya melakukan kerja nyahkuman di beberapa pasar awam antaranya di Pasar Awam Kampung Chempaka, Pasar Awam Taman Megah dan Pasar Awam Sri Setia semalam.

PENJARAKAN SOSIAL 1 METER

PETALING JAYA

AHMAD ISKANDAR MOHAMAD MUKHTAR
iskandar.mukhtar@mbpj.gov.my

SEKSYEN 52, 4 APRIL - Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah membuat pemantauan penjarakan sosial 1 meter Perintah Kawalan Pergerakan Fasa 2 di premis pasar-pasar pagi sekitar kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Pemantauan ini dilakukan bagi melihat kepatuhan masyarakat dalam menangani wabak Covid-19. Hasil pemantauan yang dilakukan, masih terdapat lagi segelintir masyarakat yang tidak melakukan penjarakan sosial dengan sewajarnya selaras arahan yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara (MKN).

Pemantauan ini diadakan hasil kerjasama dengan Jabatan Kesihatan Persekitaran, Jabatan Penguatkuasaan dan RELA.



MBPJ AGIH BANTUAN KEPADA GOLONGAN MEMERLUKAN MELALUI INISIATIF PJ CITY FOOD BANK

PETALING JAYA

MUHAMED AZMI YUSOFF
azmiyusoff@mbpj.gov.my

Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) yang bermula 18 Mac 2020 lalu, telah memberi impak kepada kehidupan penduduk khususnya penduduk Petaling Jaya yang kehilangan pendapatan akibat pemberhentian aktiviti ekonomi dan sosial. Mereka juga turut terkesan dan mengalami kesukaran mendapatkan barangan keperluan asas akibat sebahagian besar kedai di tutup. Bagi mengurangkan beban golongan kurang berkemampuan, mempunyai keluarga yang ramai dan ahli-ahli keluarga yang kurang upaya, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah menggerakkan Misi Bantuan COVID-19 di bawah program PJ City Food Bank.

Inisiatif tanggungjawab sosial korporat (CSR) ini juga menyokong hasrat Kerajaan Negeri Selangor ke arah "Membangunkan Smart Selangor Yang Peduli". MBPJ sangat peka dan prihatin terhadap isu dan masalah yang dihadapi oleh golongan miskin bandar dalam mendapatkan sumber makanan asas terutamanya semasa tempoh PKP ini. Justeru, Majlis berharap sumbangan yang diberikan ini dapat meringankan sedikit bebanan mereka dalam meneruskan kehidupan seharian.

Usaha murni ini di dokong secara langsung oleh 54 buah syarikat korporat dan lain-lain syarikat yang menjalankan aktiviti perniagaan dan perusahaan di Petaling Jaya yang menghulurkan sumbangan berupa barangan keperluan asas dan juga wang tunai.

Sejak program ini dijalankan pada 24 Mac 2020, sebanyak 559 buah keluarga berpendapatan rendah di Petaling Jaya telah mendapat manfaat daripada sumbangan ini. Kesemua keluarga yang telah menerima bantuan keperluan asas ini dipilih berdasarkan pendapatan

isi rumah di bawah RM1,500 sebulan dan keutamaan diberikan kepada keluarga miskin yang mempunyai ramai tanggungan dan tidak mempunyai pendapatan sepanjang tempoh PKP ini dikuatkuasakan.

Majlis amat berbesar hati dapat melancarkan inisiatif Misi Bantuan COVID-19 ini dalam mencapai masyarakat serta mempamerkan keprihatinan, kasih sayang dan komitmen Majlis dalam menangani pelbagai isu yang selaras dengan pembangunan komuniti yang mampan.

Majlis mengucapkan jutaan terima kasih kepada semua penyumbang yang telah mendokong secara langsung inisiatif Majlis ini. Justeru, Majlis memohon kerjasama penduduk Petaling Jaya secara keseluruhannya dalam situasi PKP ini bagi mengekang penularan wabak pandemik COVID-19 daripada terus menular atau memberi kesan yang tidak sepatutnya.



HELP THE PJ CITY FOOD BANK PREPARE FOR INCREASED NEED


The PJ City Food Bank has been monitoring the development of COVID-19 and taking proactive steps to protect the citizens of Petaling Jaya who rely on us. As our city's leading hunger-relief organization, we must be prepared to provide emergency food to vulnerable members of our community who may be quarantined, along with those impacted by the economic downturn. Your gift today will help us keep meals on the table of citizens of our city who are in need the most.

For further information and coordination, please contact:

Pn.NORHAFAZAH (Assistant Officer / Town Planning / MBPJ-mobile 0132889025/email norhafazah.abdullah@mbpj.gov.my)
Pn.NAZIAH (Assistant Director / Town Planning / MBPJ-mobile 012 416 0560/email naziah@mbpj.gov.my)







USAHA MBPJ BERSAMA-SAMA DALAM MEMBENDUNG WABAK COVID-19

KERJASAMA MBPJ DAN UiTM HASILKAN PAKAIAN PERLINDUNGAN DIRI

PETALING JAYA

MUHAMED AZMI YUSOFF
azmiyusoff@mbpj.gov.my

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengambil inisiatif dengan melaksanakan Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) menjahit pakaian perlindungan diri (PPE) dengan kerjasama Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka (FSSR), Universiti Teknologi MARA (UiTM) Shah Alam.

Usaha murni ini telah dimulakan sejak 8 April 2020 (fasa pertama) selepas Majlis menerima bekalan sebanyak 3 kotak kain daripada pihak FSSR. Dalam tempoh tersebut, sebanyak 131 PPE telah siap dijahit sepenuhnya dan telah diserahkan kepada pihak Pejabat Kesihatan Daerah Klang pada 21 April 2020 yang lalu. Pada masa yang sama, PKD Klang turut menyerahkan sebanyak 5 kotak kain untuk dijahit dan diagihkan kepada agensi yang berkaitan.

Berdasarkan penerimaan tersebut, Majlis telah berjaya menyiapkan 213 pakaian pelindung diri. Sebanyak 150 pakaian pelindung diri telah diserahkan kepada Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM) manakala selebihnya adalah untuk kegunaan Majlis.

Bagi fasa ke-2 yang bermula pada 14 April 2020 lalu, Majlis sekali lagi telah menerima sebanyak 4 gulung kain yang dibeli menggunakan hasil daripada dana kutipan oleh UiTM Sungai Buloh. Sebanyak 494 pakaian pelindung diri berjaya disiapkan dan telah diserahkan kepada Hospital UiTM Sungai Buloh pada 5 Mei 2020.

Tindakan ini merupakan inisiatif Majlis Bandaraya Petaling Jaya dan kerjasama Fakulti Seni Lukis Dan Seni Reka, UiTM untuk membantu menyediakan pakaian perlindungan diri selain mengurangkan risiko yang dihadapi petugas barisan hadapan khususnya kakitangan kesihatan ketika merawat pesakit COVID-19.

Seramai 10 orang peserta yang terlibat adalah terdiri dari Pusat Aktiviti Pembasmian Kemiskinan Bandar (PPKB) MBPJ yang terletak di Lembah Subang 1 dan Flat PKNS, Taman Dato Harun.

Peserta PPKB ini diberi upah dengan bayaran sejumlah RM 5.00 bagi setiap satu pakaian yang siap dijahit. Inisiatif ini merupakan salah satu cara peserta PPKB ini dapat menjana pendapatan tambahan mereka sewaktu tempoh Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) dikuatkuasakan selain bersama-sama menyumbang tenaga kepada barisan frontliners.

Selain daripada itu, Majlis turut menyediakan pelindung muka atau face shield yang dihasilkan secara "Do it yourself" DIY oleh kakitangan Jabatan Penguatkuasaan untuk diserahkan kepada agensi yang terlibat. Sebanyak 2500 unit pelindung muka telah berjaya disiapkan untuk kegunaan sewaktu bertugas.



PEMANTAUAN WAKTU MALAM



PETALING JAYA

HASBULLAH JUYAHIR
hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my

SEKSYEN 52, 3 APRIL – Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah melakukan pemantauan pada waktu malam Perintah Kawalan Pergerakan Covid-19 peringkat ke-2 bagi melihat kepatuhan masyarakat setempat terhadap arahan yang telah dikeluarkan oleh Majlis Keselamatan Negara.

Pemantauan yang bermula jam 9 malam itu telah dilakukan di sekitar PJS. Hasilnya, hampir keseluruhan masyarakat setempat mengikut arahan yang ditetapkan oleh Kerajaan Persekutuan.

Tahniah dan syabas diucapkan kerana anda semua. Kekal *Stay At Home, Stay Safe*.



E-BAZAR RAMADAN SELANGOR GRAB

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
abdulhakim@mbpj.gov.my

Kerajaan Negeri Selangor terpenggal mendengar keluhan dan nasib para peniaga dan peniaga bazar Ramadan di Selangor setelah keputusan pembatalan Bazar Ramadan. Akibat pembatalan ini, dijangka hampir 17 ribu peniaga dan peniaga terkesan dan hilang mata pencarian.

Justeru, Kerajaan Negeri mengambil inisiatif untuk membina suatu ekosistem keusahawanan baharu dengan kerjasama syarikat penghantaran iaitu Grab Malaysia. Platform digital ini dinamakan E-Bazar Ramadan Selangor GRAB membolehkan para peniaga menjana pendapatan semasa Ramadan selain dari memberi peluang rakyat Selangor membeli juadah berbuka puasa dalam talian.

Konsep Bazar Ramadan Digital ini hanya membenarkan pembelian dalam talian sahaja (online) melalui aplikasi GRAB dan akan mematuhi segala

spesifikasi penyediaan makanan oleh Kementerian Kesihatan Malaysia.

Sebanyak 15 lokasi telah dikenal pasti sebagai lokasi pelaksanaan untuk dijadikan dapur berpusat (central kitchen). Di peringkat Kerajaan Negeri pelaksanaan akan diselaras oleh Menteri Besar Pemerdagangan (MBI) dan HIJRAH.

Kerajaan Negeri percaya ini adalah salah satu usahasama strategik awam-swasta yang diperlukan saat ini bagi menghadapi norma baharu (new normal) akibat wabak Covid-19.

Semoga inisiatif ini akan menjadi 'game-changer' kepada ekosistem keusahawanan dan digital di Selangor.



PERASMIAN BANGUNAN PETALING JAYA SMART CENTRE (PJSC) DAN DEMONSTRASI 5G CELCOM

PETALING JAYA

MUHAMED AZMI YUSOFF
azmiyusoff@mbpj.gov.my

Pada tahun 2017, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) telah memulakan Projek PJ Smart City yang meliputi 3 komponen utama iaitu pembangunan Bangunan PJ Smart Centre, Mini Smart Centre dan pembangunan sistem atau aplikasi papan pemuka (dashboard) dan Infrastruktur teknologi komunikasi & maklumat (ICT).

Projek PJ Smart City merupakan perlambangan kepada integrasi data-data Majlis yang berfungsi sebagai penyimpanan data-data bernilai (value data) dan sebagai Pusat Pelaporan untuk mengukur KPI pencapaian sasaran Smart, Sustainable & Resilient.

Bangunan PJ Smart Centre berfungsi sebagai Pusat Kawalan Data yang membangunkan Sistem Perancangan dan Pengurusan Bandar berplatformkan perisian Geographical Information System (GIS); Data Bandar (urban data) di dalam bentuk dashboard bagi fungsi-fungsi utama Majlis akan diintegrasikan ke Web "Main" papan pemuka dalam bentuk data atribut dan spatial. Bangunan PJ Smart Centre ini telah siap dibina pada April 2019.

Infrastruktur ICT merupakan antara komponen utama dalam pelaksanaan Projek PJ Smart Centre. Ke arah penyediaan infrastruktur yang terkini, Majlis akan berkerjasama dengan syarikat gergasi telekomunikasi Celcom Axiata Berhad bagi melaksanakan penyelesaian pemantauan keselamatan bandar pintar menggunakan teknologi 5G.

Kerjasama ini bertujuan meningkatkan keberkesanan keselamatan dan

pemantauan menerusi paparan analisis CCTV traffic & surveillance. Selain itu, Majlis dapat menguji, memantau dan meneroka impak 5G dalam lingkungan kawasan komersil dan kediaman, serta mengambilkira impak persekitaran terhadap rangkaian dan seterusnya memacu pelaksanaan 5G di Bandar Raya Petaling Jaya.

MBPJ merupakan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) terpilih bagi pelaksanaan penyelesaian pemantauan trafik dan keselamatan Bandar Pintar menggunakan teknologi 5G. Pelaksanaan ini merupakan antara inisiatif Majlis ke arah mewujudkan pengawasan yang lebih berkesan.

Jalinan kerjasama ini juga akan membolehkan warga Petaling Jaya mencapai aspirasi untuk sebuah bandar raya pintar yang mampan dan berdaya tahan menjelang 2030. Penyelesaian Pintar 5G membolehkan sistem pengawasan keselamatan dan kawalan trafik dipertingkatkan.



MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA MEMPERKENALKAN PERKHIDMATAN PERPUSTAKAAN BERGERAK MBPJ @ PJ LIBRARY ON WHEELS

PETALING JAYA

HASBULLAH JUYAHIR
hasbullah.juyahir@mbpj.gov.my

Dalam usaha memupuk dan menerapkan budaya membaca, Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah memperkenalkan Perpustakaan Bergerak MBPJ atau dikenali sebagai "PJ Library On Wheels" kepada komuniti di Petaling Jaya. Kemudahan perkhidmatan perpustakaan ini adalah sejajar dengan pengiktirafan Petaling Jaya sebagai UNESCO Learning City.

Perkhidmatan perpustakaan bergerak ini mendapat sambutan yang menggalakkan dari pihak sekolah dan pelajar-pelajar di sekolah. Majlis turut menerima cadangan agar diperluaskan lagi perkhidmatan perpustakaan bergerak ke sekolah-sekolah yang memerlukan di Petaling Jaya.

Perkhidmatan perpustakaan bergerak ini adalah bertujuan untuk menghubungkan perpustakaan dengan para pelajar di sekolah yang terletak di kawasan yang jauh dengan perpustakaan. Selain itu, ia juga menerapkan dan memupuk budaya gemar membaca dalam kalangan pelajar selain memperkenalkan kemudahan terkini yang terdapat di perpustakaan. Di antara perkhidmatan yang terdapat di PJ Library On Wheels adalah seperti berikut:

i. Perkhidmatan Pinjaman

Setiap pelajar akan dikenakan yuran sebanyak RM 1.00 dan boleh meminjam satu (1) buah buku dalam tempoh satu minggu dari tarikh peminjaman.

ii. Perkhidmatan Rujukan

Perpustakaan menyediakan bahan-bahan rujukan seperti ensiklopedia, kamus dan majalah-majalah ilmiah

iii. Perkhidmatan Internet Percuma

Terdapat perkhidmatan internet percuma disediakan kepada para pengunjung *PJ Library On Wheels*.

iv. Perkhidmatan Augmented Reality (AR)

Augmented reality (AR) merupakan teknologi terkini yang mengabungkan video dan audio. Kaedah ini menjadikan pembelajaran lebih menarik dan interaktif.

v. Kepelbagaian aktiviti-aktiviti

Selain dari menyediakan perkhidmatan pembelajaran, perpustakaan turut menyediakan aktiviti santai dan ruangan santai untuk para pengunjung membaca.

Sehingga kini, waktu perkhidmatan adalah pada setiap hari Selasa bermula jam 9.00 pagi hingga 2.00 petang dan segala perubahan jadual tertakluk kepada penambahan sekolah. Sekolah Rendah Kebangsaan Damansara Damai 2, dengan jumlah keahlian seramai 249 orang pelajar menjadi sekolah pertama di Petaling Jaya yang dapat menggunakan perkhidmatan *PJ Library On Wheels* ini.





**TINJAUAN KEGIATAN HARAM DI TEBING
SG. KLANG**

TAMAN MEDAN, 19 FEBRUARI 2020 - Kumpulan Penyelidik Rentas Parlimen Malaysia bersama-sama ADN Taman Medan, YB Tuan Syamsul Firdaus bin Mohamed Supri dan Ahli Majlis Zon 17, En. Ahmad Akhir bin Pawan Chik serta Jabatan Penguatkuasaan MBPJ telah melakukan tinjauan berkaitan permasalahan sampah haram, ternakan haram serta beberapa isu lain yang berlaku di tebing Sungai Klang berhampiran PJS 3.



**PROGRAM KOMUNITI BEBAS DADAH DAERAH
PETALING**

LEMBAH SUBANG, 29 FEBRUARI 2020 - Agensi Anti Dadah Kebangsaan Daerah Petaling telah menganjurkan Program Komuniti Bebas Dadah Daerah Petaling yang berlangsung di projek perumahan rakyat (PPR) Lembah Subang 1. Program ini untuk memberi khidmat nasihat dan intervensi keluarga serta menyebarkan informasi berkenaan pencegahan dadah. Turut hadir Ahli Majlis Zon 4, En. Anwar bin Nekhan.



MESYUARAT AGUNG PIBG SK TROPICANA

TROPICANA, 29 FEBRUARI 2020 - Ahli Majlis Zon 4, En. Anwar bin Nekhan telah merasmikan mesyuarat agung PIBG SK Tropicana kali ke-19 yang berlangsung di Dewan Budiman, SK Tropicana. Turut berlangsung majlis penyampaian hadiah pelajar cemerlang UPSR dan penghargaan kepada AJK PIBG.



**PROGRAM GOTONG-ROYONG PERDANA
BASMI DENGGI**

TAMAN MEDAN BARU, 15 MAC 2020 - Ahli Majlis Zon 17, En. Ahmad Akhir bin Pawan Chik telah merasmikan Program Gotong-royong Perdana dan Taklimat SEDAR anjuran Pejabat Ahli Majlis Zon 17, Team Selangor dan Persatuan Penduduk Flat Medan 32. Program ini untuk memberi kesedaran pentingnya menjaga kebersihan kawasan kediaman yang secara langsung dapat membanteras wabak denggi.

**SUMBANGAN KEPADA PETUGAS BARISAN
HADAPAN COVID-19**

PETALING JAYA, 1 APRIL 2020 - Ahli Majlis Zon 22, Puan Rahibah binti Che Omar dan penduduk dalam Zon 22 tampil ke hadapan menyampaikan beberapa siri sumbangan kepada petugas barisan hadapan menentang Covid-19 di Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM). Sumbangan berupa makanan ini kerana prihatin dengan kekangan petugas yang perlu mematuhi prosedur operasi standard ketat semasa merawat pesakit Covid-19 yang membataskan pergerakan mereka.





BERITA PETALING JAYA

Misi Perkhidmatan Pelanggan
Mesra, Cepat & Tepat
KUALITI KEUTAMAAN KAMI

www.mbpj.gov.my | Majlis Bandaraya Petaling Jaya | pjcitycouncil | pjkitajaya | smartpj

BIL. 2/2020 • : 03-7956 3544 samb. 203 / 205 / 206 : 03-7958 2695 : media@mbpj.gov.my **PERCUMA**

SELANGOR KE ARAH BEBAS PLASTIK

PETALING JAYA

ABDUL HAKIM KHAIRUDDIN
abdulhakim@mbpj.gov.my

Kerajaan Negeri Selangor amat serius dalam usaha menangani isu pencemaran plastik terutamanya plastik sekali guna yang memberi kesan negatif terhadap alam sekitar, kesihatan awam dan ekonomi negeri.

Jemaah Menteri telah meluluskan Malaysia's Roadmap Towards Zero Single-Use Plastics, 2018-2030 pada 10 Oktober 2018 dan telah dilancarkan oleh Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim (MESTECC) pada 17 Oktober 2018 bertujuan menangani masalah alam sekitar khususnya berpunca dari pencemaran dari plastik sekali guna termasuklah beg plastik bagi mewujudkan persekitaran yang bersih dan sihat.

Dasar ini menggariskan perancangan dan usaha kerajaan pusat ke arah sifar plastik sekali guna untuk persekitaran Malaysia yang lebih bersih dan sihat menjelang tahun 2030. Pelaksanaan dasar ini juga selari dengan hasrat Kerajaan Negeri Selangor untuk mengurangkan penggunaan plastik sekali guna seperti beg plastik, polistirena dan straw plastik melalui kempen yang telah dilancarkan.

Kempen "Hari Tanpa Beg Plastik" telah mula dilaksanakan oleh Kerajaan Negeri Selangor seawal Januari 2010 dengan pelaksanaan pada hari terpilih iaitu setiap hari Sabtu. Kempen ini telah ditambah baik dengan pelaksanaan "Hari Tanpa Beg Plastik" selama 7 hari seminggu yang bermula mulai 1 Januari 2017. Kempen ini masih diteruskan di seluruh Negeri Selangor dengan pelaksanaan kutipan caj beg plastik oleh premis-premis perniagaan kepada pengguna beg plastik.

Sebelum ini, caj beg plastik ini dikutip melalui syarikat-syarikat peruncit dan para peniaga dan jumlah kutipan tersebut digunakan untuk menjalankan aktiviti program khidmat masyarakat atau 'CSR' oleh mereka sendiri. Kerajaan Negeri bercadang untuk melaksanakan kutipan caj beg plastik ini melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Negeri Selangor. Melalui cara ini, jumlah kutipan caj dapat dipantau dengan lebih baik dan digunakan untuk tujuan pelaksanaan program-program dan aktiviti alam sekitar.

Objektif utama pelaksanaan kutipan caj beg plastik melalui Program Kutipan Caj Beg Plastik Di Negeri Selangor adalah bertujuan :

- Mengurangkan penggunaan beg plastik melalui pewujudan premis perniagaan yang tidak lagi membekalkan beg plastik kepada pengguna.
- Meningkatkan kesedaran dan memberi pendidikan terhadap orang awam terhadap bahaya pencemaran bahan plastik serta menjadikan masyarakat lebih bertanggungjawab dalam usaha pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

- Bagi mewujudkan Negeri Selangor yang bersih, sihat dan mesra alam sekitar.

Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri telah meluluskan dasar pelaksanaan Kutipan Caj Beg Plastik Melalui PBT mulai 1 Januari 2020. Jumlah kutipan bagi setiap penggunaan beg plastik oleh peniaga akan diserahkan kepada PBT, seterusnya jumlah kutipan ini akan disalurkan kepada Tabung Amanah di peringkat Negeri Selangor dan Tabung Amanah di PBT masing-masing untuk diselaraskan penggunaannya bagi tujuan alam sekitar.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya telah mengedar sebanyak 38,058 notis pemberitahuan kutipan caj beg plastik 0.20 sen dalam kawasan pentadbiran Majlis sejak Disember lalu.

Pengedaran notis ini bertujuan untuk memberitahu kepada pengusaha agar tidak membekalkan beg plastik secara percuma kepada pelanggan. Penggunaan beg plastik secara berleluasa tanpa kawalan juga menjadi faktor penyumbang utama dalam penjana sampah sisa plastik terutama daripada sektor komersial. Jika situasi dan keadaan ini berpanjangan dan berterusan, tidak mustahil MBPJ akan membelanjakan lebih banyak lagi kos pelupusan sampah berbanding apa yang telah dibelanjakan sejumlah RM8.6 juta pada tahun lalu.

